

Untuk Siaran Segera

Tayangan Tulen Projektor Panasonic ‘Go for Pure Projection’

‘Teman sejati’ dalam segala bidang perniagaan dengan penggunaan mudah untuk aplikasi harian.

Kuala Lumpur, 6 Julai 2010 – Panasonic hari ini memperkenalkan dua model LCD projector baru PT-LB1EA dan PT-LB2EA, dengan moto ‘Go for PURE Projection’, teman sejati pengguna dalam segala aplikasi harian yang menggunakan ketulenan warna, mudah alih, boleh dipercayai dan mudah digunakan. Konsep tayangan tulen (*pure projection*) dalam warna putih atau ‘Shiro’ dalam bahasa Jepun, melambangkan produk yang sangat canggih dalam dunia tayangan (*projection*).

“Malaysia akan menjadi negara pertama dalam dunia yang akan merasmikan pelancaran model *shiro*, dan diikuti negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Jepun, Vietnam dan India; dan seterusnya ke seluruh benua di dunia”, kata Jeff Lee Pengarah Urusan Panasonic Malaysia. “Dengan pemahaman yang mendalam terhadap keperluan dan pasaran Asia, kedua-dua model projector ini direka khas oleh Panasonic Jepun untuk pasaran Asia berdasarkan keperluan penting seperti boleh dipercayai, penggunaan mudah, mudah alih, prestasi tinggi dan kemampuan”.

Resolusi XGA untuk model *shiro* mempunyai 2 pilihan antara kecerahan 2220 *lumens* atau 2600 *lumens* (untuk model PT-LB1EA & PT-LB2EA), iaitu keperluan tahap kecerahan yang paling popular di Asia bagi berbagai jenis aplikasi seperti pelajaran, korporat, SOHO, permainan dan gerai makanan dan minuman.

Kedua-dua model seberat 2.3kg, iaitu kadar berat yang mudah dibawa kemana-mana dengan kapabiliti untuk memberi prestasi imej dan kuasa efisien yang optimum.

Model ini juga sama dengan model-model projektor lain Panasonic yang dilengkapi dengan Teknologi Paparan Siang (*Daylight View Technology*) – teknologi yang boleh mengesan cahaya di sekitar kawasan projektor, memberi peningkatan kualiti imej lebih dari 150% untuk tontonan pengguna (mencapai bersamaan kualiti imej >3300 *lumens* & >3900 *lumens* untuk model masing-masing)

Sesetengah negara masih mengalami ketidakstabilan tenaga elektrik atau kekurangan voltan yang mengakibatkan kerosakan kepada projektor. Oleh itu, Panasonic telah melengkapi projektor ini dengan Pengurusan Kuasa Pintar (*Intelligent Power Management*) untuk memastikan projektor tidak diganggu walaupun ketika saluran tenaga elektrik tidak stabil. Dalam keadaan ketika tenaga elektrik tidak berfungsi, fungsi ‘*direct power off*’ akan memastikan sistem pendinginan dalaman beroperasi sehingga kegunaan mentol kembali dingin dengan betul – fungsi ini boleh mengekalkan jangka hayat mentol tersebut. Mod Eco pula digunakan untuk mengurangkan penggunaan kuasa (ketika *standby* – unit ini menggunakan 0.4 W). Model shiro ini juga mempunyai kelajuan mula yang pantas selama 2 saat yang memudahkan pengguna yang sentiasa bergerak.

Dalam dunia yang sedang beralih ke penggunaan digital, protokol internet (IP, *internet protocol*) merupakan perkara penting dalam infrastruktur komunikasi, pengawasan dan kawalan. Kedua-dua model PT-LB1EA dan PT-LB2EA dilengkapi dengan terminal kawalan LAN.

Ini membolehkan model projektor ini disambung ke internet atau rangkaian intranet, mana-mana pentadbir boleh mengawasi status dan mengawal fungsi setiap satu projektor dalam kumpulan yang terpilih atau kesemuanya pada masa yang sama dari mana-mana bahagian di dunia (apabila mempunyai akses internet).

Panasonic juga menghasilkan perisian 'Pelbagai Pengawasan dan Kawalan Projektor', yang boleh dimuat turun dengan percuma untuk kesemua projektor Panasonic. Fungsi 'Start Up Logo' juga untuk kegunaan pengguna yang ingin memaparkan logo syarikat atau seni tanda ketika permulaan penggunaan projektor.

Pada bulan Ogos, satu lagi model projektor akan dilancarkan iaitu - PT-ST10EA mempunyai fungsi yang sama dengan kanta lemparan pendek (*short throw lens*). Model ini dapat menayang imej 80" pada jarak 82" antara skrin dan projektor. Tahap kecerahan sebanyak 2500 *lumens* yang sesuai untuk integrasi dengan papan putih interaktif dalam kegunaan bidang pelajaran atau pasaran korporat.

Tambahan lagi, Panasonic juga menawarkan waranti untuk PT-LB1EA, PT-LB2EA & PT-ST10EA:

Set Waranti 3 Tahun *

Waranti Mentol 3000 Jam * atau 6 bulan, antara mana yang terdahulu

*Tertakluk pada terma & syarat *Pendaftaran secara *Online* diperlukan

Harga Jualan Runcit [*Retail Selling Price (RSP)*] juga di atur mengikut barisan model seperti berikut:

PT-LB1EA: RM 2200.00

PT-LB2EA: RM 2600.00

PT-ST10EA: (Akan dimaklumkan)

Selain model PT-LB1EA dan PT-LB2EA yang digunakan sebagai model tahap permulaan (*entry level*), Panasonic mempunyai portfolio yang besar untuk projektor yang mempunyai 2200 *lumens* sehingga 12,000 *lumens*, XGA sehingga WUXGA, jenis mudah alih atau yang dipasang – kesemua menggunakan antara teknologi LCD atau DLP.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Tan Chee Hon
Pengurus, Kumpulan Penyelesaian Paparan
Bahagian Sistem Perniagaan
Tel: 03 7809 7735 Fax: 03 7955 2848 Mobil: 019 2809215
Emel: cheehon.tan@my.panasonic.com

###